

## TAHAP PENGHAYATAN ISLAM DALAM PENGURUSAN DIRI ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

**Burhanuddin Bin Jalal\***

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

burhanuddin@upnm.edu.my\*

### ABSTRACT

Internalisation of Islam has resulted from the phenomenon of the revival of Islam where Islamic communities in this country are inclined to make Islam a way of life rather than focusing merely on daily rituals. In this context, the Malaysian Armed Forces, through the Armed Forces Religious Corps formed in 1985, has strived to enhance internalisation of Islam among its personnel to strengthen them spiritually and mentally so that they can be a solid combat force to defend religion, race and nation. This study examines the extent of internalisation of Islam among Malaysian Armed Forces personnel base on the Religious Corps through the Malaysian Armed Forces Islamic Mental and Spiritual Development programmed. Data related to internalisation of Islam among the Malaysian Armed Forces personnel was obtained through library research, questionnaire and observation. The survey method was used as an instrument for the field study to assess their internalisation of Islam through faith, acts of religious devotion as well as morals. A study was made of 383 Malaysian Armed Forces personnel who formed the study sample. Random sampling was conducted and the overall results of the results of the research were analyzed using SPSS.. Generally, the results of the research showed high internalisation of Islam among the Malaysian Armed Forces personnel. The study also proves that the efforts of the Armed Forces Religious Corps in promoting internalisation of Islam among the Malaysian Armed Forces personnel have been successful.

**Keywords:** Internalisation, religion, Islam, mission, spiritual, soldier.

### PENGENALAN

Aspek pertahanan, keamanan dan keselamatan negara merupakan satu keperluan yang penting (*maslahat dharuriyyat*) kepada manusia seluruhnya. Dengan adanya pertahanan, keamanan dan keselamatan manusia serta masyarakat akan dapat melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh rasa selamat dan tenang. Dalam konteks negara Malaysia, tugas dan peranan menjaga keamanan serta keselamatan negara telah ditugaskan kepada organisasi Angkatan Tentera Malaysia. Oleh yang demikian tugas tersebut merupakan satu amanah yang tentunya berkait rapat dengan aspek keagamaan. Namun demikian, tugas atau amanah menjaga keamanan dan keselamatan ini tidak hanya merupakan tanggungjawab Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tetapi juga semua pihak dalam organisasi kerajaan dan juga setiap rakyat dan warga negara.

#### *Pendidikan Islam Ketenteraan*

Proses menyediakan angkatan tentera yang kuat, profesional dan berwibawa merupakan tugas yang penting kerana ia bukan sahaja sekadar menyediakan peralatan yang canggih dan moden semata-mata tetapi ia juga melibatkan modal insan khususnya dari aspek kepimpinan dan pengurusan. Tugas memberikan pendidikan Islam ketenteraan dalam konteks Angkatan Tentera Malaysia dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia atau KAGAT. Menurut Khalid Ahmad Syantut (2003) dalam bukunya *al-Muslimun wa at-tarbiyah al-askariah*, telah menyebut tentang lima aspek

pendidikan (tarbiah) bagi membina kumpulan tentera untuk menghayati Islam serta mempunyai dan memahami semangat jihad. Aspek ini penting kerana dengan adanya pendidikan atau tarbiah ini dapat membina generasi muda yang mempunyai semangat ketenteraan yang mantap dan benar-benar menghayati Islam serta memahami penghayatan jihad. Persiapan atau pendidikan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- *Tarbiyah ruhiyah* (pendidikan spiritual) yang dapat membina kekuatan diri dari cabaran kemewahan dan keduniaan.
- *Tarbiyah fikriyah* (pendidikan intelektual) yang dapat membina dan menghayati pengertian jihad dalam Islam.
- *Tarbiyah nafsiyah* (pendidikan mental), yang dapat mendidik mereka bersedia untuk berkorban harta, dan jiwa raga demi Islam dan negaranya.
- *Tarbiyah badaniyah* (pendidikan fizikal) yang dapat membina tenaga fizikal generasi muda menjadi kuat dan berwibawa serta mampu menggalas cabaran berjuang di medan perang.
- *Tarbiyah ijtimiyah* (pendidikan kemasyarakatan) yang dapat membina jiwa dan sifat terpuji untuk memahami keperluan masyarakat, sedia membantu, menghayati sikap bermesyuarat dan mampu membebaskan diri dari sikap-sikap negatif dan ego serta mampu menghindari sikap mementingkan diri sendiri.

Seterusnya Khalid Ahmad Syaltut (2003) menekankan bahawa *tarbiyah askariah* merupakan inti pati *tarbiyah Islamiah* (pendidikan Islam) kerana ini dapat menepati inti pati pendidikan yang merangkumi perkara berikut:

- Perintah Allah SWT kepada kaum Muslimin untuk bersiap sedia menghadapi musuh dengan segala kekuatan.
- Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang mampu memenuhi tuntutan masa hadapan dan membina semangat jihad.
- Pendidikan ketenteraan adalah pendidikan yang komprehensif dan seimbang yang dapat membina aspek spiritual, intelektual dan fizikal setiap individu.

Oleh yang demikian, pendidikan Islam yang perlu diberikan kepada kelompok ketenteraan tersebut tentunnya menepati firman Allah dalam surah al-Anfal ayat 60 yang bermaksud: “*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.*”.

## PENYATAAN MASALAH

KAGAT telah ditubuhkan pada tahun 1985 dan kini telah berusia 30 tahun. Namun demikian masih terdapat banyak masalah yang berkaitan dengan akhlak dan moral yang berlaku dalam kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia. Ini berdasarkan data statistik salah laku yang menggambarkan masih wujud masalah tersebut dan ini sepatutnya tidak berlaku dalam sebuah organisasi yang cukup terkawal. Abdul Rahman Wok (2008) dalam *Jurnal Sorotan Darat*, telah melaporkan punca-punca anggota melakukan pelbagai kesalahan jenayah itu disebabkan pelbagai faktor di antaranya pengaruh

sosial, pengaruh persekitaran masyarakat, pengaruh alkohol dan perjudian, kekurangan pendidikan dan pengetahuan agama, penyalahgunaan dadah, tapisan yang longgar ketika kemasukan, kekurangan motivasi, kekurangan pengawasan, beban hutang, peluang melakukan jenayah, masalah pentadbiran, masalah kepincangan rumah tangga dan juga pengaruh media. Berdasarkan punca-punca yang telah dinyatakan, faktor kekurangan pendidikan dan pengetahuan agama turut menyumbang kepada masalah ini. Keadaan yang membimbangkan ini turut disebabkan oleh jumlah anggota ATM yang terlibat dengan jenayah semakin meningkat.

Oleh yang demikian, objektif kajian ialah untuk mengukur sejauh manakah tahap penghayatan Islam dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia berdasarkan usaha-usaha dakwah yang telah dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia. Adakah program-program dakwah khususnya Dasar pembinaan mental dan kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia telah berjaya dan berkesan dalam mendidik anggota tentera menjadi insan yang mukmin, muhsin dan muttaqin sekaligus dapat meningkatkan tahap kepimpinan dalam diri setiap anggota bagi menjadi warga tentera yang terbaik.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian telah dilakukan terhadap responden dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia mulai September 2010 hingga Disember 2012. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Borang soal selidik yang dibina mengandungi 102 soalan. Instrumen soal selidik menggunakan instrumen yang telah dibina oleh Azma Mahmud (2006), yang mempunyai kebolehpercayaan *alpha cronbach* 0.97. Walau bagaimanapun instrumen tersebut telah dibuat pengubahsuaian dan juga pembinaan semula berdasarkan keperluan kajian dan sasaran responden kajian.

Perlu dijelaskan juga bahawa kajian yang telah dilakukan menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif. Menurut Delbert C. Miller dan Neil J. Salkind (2002) kajian yang terbaik ialah kajian yang menggabungkan ciri-ciri kuantitatif dan kualitatif, dan seterusnya Neuman (1991) menyatakan kelemahan kuantitatif dapat ditampung dengan kualitatif dan begitulah sebaliknya. Selain dari itu, instrumen kajian bagi mendapatkan data adalah melalui kajian perpustakaan, kajian lapangan, pemerhatian dan juga soal selidik. Populasi untuk kajian ini adalah seramai 102,398. Menurut Krejcie dan Morgan (1970) populasi melebihi 100,000 memerlukan saiz sampel sekurang-kurangnya 383 responden. Sehubungan dengan itu pengkaji menetapkan bilangan dalam kajian ini ialah seramai 383 responden. Pemilihan persampelan dilakukan secara rawak dengan dibahagikan kepada tiga perkhidmatan ATM iaitu perkhidmatan Darat, Laut dan Udara.

Dalam aspek analisis data pula, data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan perisian SPSS (*Statistical Package for the Science Social*), dan kaedah penganalisan data dibahagikan kepada dua iaitu analisis secara deskriptif dan analisis inferensi.


## DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini sebanyak 102 soalan yang berhubung dengan penghayatan Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak telah dikemukakan kepada para responden. Tahap soalan yang dikemukakan adalah pada tahap asas sesuai dengan tahap kemampuan responden serta untuk menilai tahap penghayatan Islam responden berdasarkan matlamat Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM yang ingin membina anggota tentera ke arah Muslim. Mukmin dan muhsin. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa dalam aspek penghayatan Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak adalah baik. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat responden berada pada tahap rendah, hanya terdapat seramai 25 responden (6.5%) pada tahap sederhana. Dapatan menunjukkan seramai 358 orang responden (93.5%) berada pada tahap yang tinggi dan min keseluruhan bagi penghayatan Islam bagi anggota ATM adalah (Min =411.48). Ini dapat dijelaskan dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1  
*Tahap Pencapaian Penghayatan Islam Responden*

Tahap	skor	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	102-238	0	0
Sederhana	239-374	25	6.5
Tinggi	375-510	263	93.5
Jumlah		383	100.0

Sumber: Burhanuddin Jalal (2012)



Rajah 1: Skor Pencapaian Penghayatan Islam Responden. Sumber: Burhanuddin Jalal (2012).

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa tahap penghayatan Islam secara keseluruhannya tinggi tetapi terdapat beberapa aspek dalam penghayatan Islam secara amnya tidak seimbang. Terdapat kelemahan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan responden yang perlu diperbaiki dan dapatan kajian menunjukkan terdapat kecacatan tasawur, perasaan dan tingkah laku dalam akidah, ibadah dan akhlak, boleh menjejaskan keimanan seseorang.

Dapatan yang diperoleh daripada kajian, dalam aspek penghayatan akhlak menunjukkan agak rendah dalam kalangan responden dan ini dapat memberikan gambaran tentang wujudnya kaitan yang rapat antara semua aspek penghayatan Islam dalam kajian ini. Menurut Hassan Langgulung (1987), “nilai-nilai Islam dalam diri seseorang mempunyai dua fungsi yang saling bergantung di antara satu sama lain iaitu sebagai hasil pembelajaran dan sekali gus sebagai sebahagian dari proses pembelajaran dan pada masa yang sama tahap penghayatan Islam dalam sesuatu aspek turut memberi kesan terhadap penghayatan Islam yang lain”.

Dapatan kajian juga mengesahkan pandangan yang telah dikemukakan oleh para sarjana Islam seperti Imam al-Ghazali, Hassan al-Banna, al-Ahwani, al-Syatibi, Muhammad al-Ghazali dan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menyatakan bahawa asas penghayatan Islam harus bermula dari penghayatan tauhid, ibadah, akhlak dan syariat dalam kehidupan Muslim. Sebaliknya berleluasanya gejala keruntuhan akhlak, moral dan tingkah laku buruk pada dasarnya adalah berpunca dari rendahnya tahap keimanan dan penghayatan Islam dalam diri seseorang (Zakaria, 1999).

Perlu dijelaskan juga bahawa item-item atau pernyataan-pernyataan yang disoal pada umumnya ia bersangkutan dengan pengetahuan, tasawur, perasaan dan amalan Islam yang asas dan setiap insan Muslim perlu mengetahui dengan baik. Al-Sawi (1995) dalam kitabnya, "*Ma la yasuhu al-Muslim jahluhu*" menyatakan ada beberapa perkara yang tidak diberi kelonggaran bagi setiap Muslim untuk tidak mengetahuinya, perkara itu adalah yang berhubung dengan akidah dan ibadat. Jelas sekali penghayatan Islam itu perlu merangkumi segala aspek dan ini telah difirmankan oleh Allah (s.w.t.) dalam Surah al-Baqarah (2:208): "*Wahai orang yang beriman! masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) Segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata*".

Amat mendukacitakan sekali bahawa terdapat sebahagian kecil responden yang masih rapuh kekuatan akidahnya, khususnya yang berhubung dengan perkara-perkara *sam'iyat* seperti azab kubur, dosa dan pahala. Oleh yang demikian usaha yang keras perlu dilaksanakan oleh KAGAT bagi membentuk anggota tentera yang kukuh akidahnya sehingga mampu membina anggota tentera yang benar akidahnya (*salim al-aqidah*).

Berdasarkan dapatan kajian ini memperlihatkan aspek penghayatan ibadah juga masih kurang dari segi tasawur, perasaan dan pengamalan. Dapatan kajian menunjukkan responden masih belum menguasai sepenuhnya kefahaman mengenai *sahih al-ibadah* yang merangkumi ibadat yang khusus seperti solat atau ibadah yang *ghairu mahdah* (tidak khusus) seperti muamalat, hubungan silaturahim, menuntut ilmu serta kefahaman tentang pelaksanaan perkara tersebut yang merangkumi sifat ikhlas dan selaras dengan tuntutan sunnah yang ketara masih rendah. Selain dari itu juga, dapat diperhatikan kefahaman berhubung dengan aspek penutupan aurat masih rendah, kerana masih ramai yang beranggapan bahawa penutupan aurat hanya wajib ketika hendak menunaikan solat semata-mata ataupun sekadar memenuhi peraturan pakaian seragam yang telah ditetapkan oleh organisasi ATM. Ternyata ramai yang tidak menutup aurat selepas waktu kerja atau selepas menunaikan solat.

Selain dari itu, kefahaman mengenai konsep ibadah juga perlu difahami secara lengkap dan menyeluruh. Sesungguhnya skop ibadah merangkumi aspek amal zahir dan batin, perkataan atau perbuatan yang diredai oleh Allah (s.w.t.). Begitu juga yang berhubung dengan aspek *matin al-khuluq* iaitu merangkumi aspek percakapan, *ghibbah* (menceritakan keburukan orang lain), tidak menghayati adab makan dan minum, bercakap sombong, berjabat tangan antara lelaki dan wanita juga masih dipandang ringan. Perkara ini perlu diperbetulkan kerana Islam tidak hanya menyentuh aspek akidah dan ibadah saja tetapi Islam juga mengatur dan mencakupi adab hubungan sesama manusia. Dapat diperhatikan masih ramai dalam kalangan anggota yang melakukan hubungan dan interaksi antara anggota lelaki dan wanita yang melebihi batasan aurat dan perlakuan, bersalaman dengan yang bukan mahram dan juga makan minum dengan tangan kiri. Sedangkan perkara-perkara tersebut dilarang dalam Islam.

Dalam aspek penjagaan fizikal tubuh badan, pada umumnya anggota amat prihatin tentang perkara ini, namun demikian dapatan kajian menunjukkan terdapat segelintir anggota yang tidak memberatkan perkara ini. Antaranya ialah seperti merokok, dadah, judi, nombor ekor atau amalan-amalan yang boleh merosakkan akal. Sesungguhnya Muslim yang memiliki fizikal yang kuat lebih dicintai oleh Allah. Ini berdasarkan sabda Rasulullah yang bermaksud, "*Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah dari mukmin yang lemah*" (Muslim).

Selain dari itu, kesedaran memiliki *muhaqqf al-fiqri* (mempunyai wawasan yang luas dalam aspek agama) yang merangkumi aspek dosa dan pahala serta maklumat tentang Islam, ternyata juga masih lemah. Jika seseorang itu memahami dengan baik persoalan dosa dan pahala iaitu dosa akan dicatat sebagai satu kesalahan jika ia sudah dilakukan, dan ia hanya dikira sebagai satu kesalahan. Ini berbeza dengan konsep kebaikan, dengan melakukan niat sahaja untuk melakukan kebaikan ia sudah dicatat sebagai satu kebaikan dan jika ia dilaksanakan, akan dicatat dengan sepuluh kebaikan. Jika ini dapat difahami oleh seluruh anggota ATM, betapa besarnya rahmat Allah kepada seluruh hamba-Nya. Firman Allah (s.w.t.) dalam Surah al-An'am (6:160), "*Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikit pun)*".

Selain dari itu pengawalan terhadap hawa nafsu juga amat penting. Sesungguhnya hawa nafsu merupakan anugerah Allah yang amat besar. Dengan adanya hawa nafsu, hidup ini akan teras indah

dan ia juga sebagai hiasan untuk manusia keseluruhannya. Firman Allah dalam Surah Al 'Imran (3:14), "*Dihiasikan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)*".

Oleh yang demikian, hawa nafsu bukan untuk dimatikan atau dipinggirkan dan tidak juga untuk diturutkan sepenuhnya tanpa mengikut batasan syarak. Ia merupakan suatu nikmat Allah dan perlu disyukuri serta perlu disalurkan mengikut ketetapan dan panduan yang telah ditetapkan. Perkara ini merangkumi aspek kecintaan terhadap ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi pengetahuan dan ilmu agama. Dalam kajian ini di dapati ramai dalam kalangan responden yang amat berat untuk meningkatkan pengetahuan keagamaan mereka dan lebih terdorong mencari kekayaan harta dan wang ringgit semata-mata. Sesungguhnya proses mencari ilmu tidak pernah terhenti dan menjadi kewajipan bagi setiap Muslim mencarinya. Sabda Rasulullah yang bermaksud, "*Menuntut ilmu adalah kewajipan bagi setiap Muslim*" (Ibn Majah).

Begitu juga dengan pelaksanaan tugas atau dalam kerjaya. Aspek pengetahuan mengenai *muwasafat muazzam* iaitu berhubung dengan pengurusan pekerjaan perlu dilaksanakan oleh anggota tentera. Terdapat dalam kalangan anggota yang tidak bersemangat dalam kerjaya mereka serta melakukan kerja secara tergopoh gapah. Dalam Islam pekerjaan tidak hanya dilakukan secara berterusan tetapi juga perlu dikerjakan secara profesional (*itqan*). Ini berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud "*Sesungguhnya Allah menyukai hamba yang apabila ia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dilakukannya dengan tekun dan profesional*" (Hadis riwayat al-Tabrani).

Berasaskan dapatan kajian ternyata ramai dalam kalangan responden yang rata-rata masih dalam lingkungan umur 40an, gagal untuk memanfaatkan usia yang muda untuk mencari keretaan Allah. Ini seperti yang telah disabdakan oleh Nabi yang bermaksud, "*Hendaklah kamu rebut lima perkara sebelum datangnya lima perkara, masa mudamu sebelum masa tua, masa sihatmu sebelum masa sakitmu, masa kayamu sebelum masa miskinmu, masa lapangmu sebelum masa sibukmu, masa hidupmu sebelum masa matimu*" (Riwayat Ibn 'Abbas).

Menyentuh aspek masa lapang, ternyata banyak sekali masa lapang yang dimiliki oleh anggota tentera khusus dalam tempoh ruang kehidupan ini, dan peluang yang ada itu perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Sesungguhnya masa lapang merupakan satu bentuk amanah yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Ini berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w) yang bermaksud, "*Tidak akan bergerak kaki seorang hamba dari sisi tuhan-Nya sehingga ia ditanya lima perkara, umurnya ke mana dihabiskan, masa mudanya ke mana dihabiskan, hartanya dari mana diperoleh dan ke mana dibelanjakan dan ilmunya bagaimana dimanfaatkan*" (Hadis Riwayat al-Turmudhi).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa amalan amar makruf nahi mungkar masih belum maksimum dilakukan oleh responden. Sedangkan ia bukan tugas para pendakwah atau para ustaz semata-mata, tetapi ia adalah satu kewajipan terhadap semua orang Muslim. Ini seperti yang telah disabdakan oleh Rasulullah yang bermaksud "*Sesiapa dalam kalangan kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah diubah dengan tangannya, jika tidak mampu ubahkan dengan lisannya, jika ia tidak mampu ubahlah dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman*" (Hadis Riwayat Muslim).

Begitu juga amalan bertaubat dan ibadat-ibadat malam yang merangkumi ibadat sunat ternyata masih rendah dilakukan oleh responden. Aspek ini amat penting sekali, kerana sejarah mencatatkan para tentera zaman Rasulullah dan pada zaman sahabat termasuk pada zaman pemerintahan Muhammad al-Fateh amat kuat ibadat malamnya dan sentiasa bertaubat kepada Allah. Ini adalah kerana hamba yang sentiasa bertaubat kepada Allah amat dicintai Allah serta sentiasa mendapat perlindungan dari Allah (s.w.t.), Firman Allah dalam Surah al-Baqarah (2:222), yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri*".

Berdasarkan kelemahan-kelemahan yang didapati dalam kajian khususnya dalam aspek pengamalan ibadah dan akhlak ia adalah sesuatu yang amat mendukacitakan. Sekiranya amalan yang difardukan mudah ditinggalkan, bagaimana pula dengan ibadah-ibadah lain seperti sembahyang sunat, membaca al-Qur'an, puasa, berdoa, zikir dan sebagainya. Secara tegasnya, penghayatan Islam dalam kalangan anggota angkatan tentera Islam amat penting sekali kerana sejarah telah membuktikan

bahawa anggota tentera di bawah pimpinan Panglima Perang Islam Tariq bin Ziyad telah berjaya membuka Andalusia dan anggota tentera di bawah pimpinan Salahuddin Al-Ayyubi telah membebaskan al-Quds dan anggota tentera di bawah pimpinan Sultan Muhammad al-Fatih telah berjaya menawan Kota Konstantinopel. Ini juga menepati apa yang pernah disabdakan oleh nabi dengan hadith yang bermaksud (Ahmad Hanbal): “Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan orang-orang yang baik. Pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan tentera-tenteranya adalah sebaik-baik tentera”.

Dalam konteks ini juga, khususnya untuk membina anggota tentera yang baik, ‘Umar bin Khattab pernah berwasiat ketika melepaskan tenteranya untuk pergi berperang dengan katanya: “Dosa yang dilakukan tentera (Islam) lebih aku takut daripada musuh mereka. Sesungguhnya umat Islam dimenangkan kerana maksiat musuh mereka kepada Allah. Kalau tidak demikian kita tidak mempunyai kekuatan, kerana jumlah kita tidak sepadan dengan jumlah mereka, kelengkapan kita tidaklah dapat menandingi dengan kelengkapan mereka. Jika kita sama dalam berbuat maksiat, maka mereka lebih memiliki kekuatan. Jika kita tidak dimenangkan dengan keutamaan kita, maka kita tidak dapat mengalahkan mereka dengan kekuatan kita”.

## PENUTUP

Berdasarkan kepada kajian, ternyata anggota Angkatan Tentera Malaysia telah mempunyai asas penghayatan Islam yang tinggi dan ini perlu terus dikekalkan dan dipertingkatkan lagi. Ini penting dalam menjayakan lagi aspek kepimpinan dan pengurusan dalam organisasi yang penting seperti Angkatan Tentera Malaysia. Oleh yang demikian usaha-usaha dakwah oleh Kor Agama Angkatan Tentera perlu terus dimantapkan dan diperkukuh khususnya menekankan aspek kepimpinan dalam diri setiap anggota tentera. Selain dari itu, aspek kekuatan doa dan amal ibadah perlu dimantapkan selaras dengan kecanggihan senjata serta kekuatan jiwa dan hati juga perlu kuat seimbang dengan kekuatan fizikal dan mental. Selain dari itu, aspek penghayatan Islam, religiositi atau kehidupan beragama amat penting di dalam kehidupan manusia kerana religiositi memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah-laku, personaliti, ketenangan emosi, keyakinan diri manusia serta kebahagiaan hidup (HAMKA 1997). Muslim yang mengamalkan Islam sebagai al-Din dikatakan menghayati Islam dalam kehidupan seharian mereka Firman Allah (s.w.t.) dalam surah an-Anfal ayat 45 yang memberi panduan bagi mencapai kejayaan dalam menghadapi musuh. Firman Allah dalam Surah al-Anfal (8:45), “Wahai orang yang beriman! apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).

## RUJUKAN

- Abdullah Basemeih. (1987). Al-Quran al-Karim dan *Tafsir pimpinan Al-Quran kepada pengertian Al-Quran Ar-Rahman* Edisi ke lapan. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Abdul Rahman Wok. (2008). Jenayah Dalam Kalangan Anggota ATM. *Jurnal Sorotan Darat*. Kuala Lumpur. Markas Tentera Darat. Bil 28: 22-26
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Al-Nahlawi, ‘Abd al-Rahman. (2002). *Pendidikan Islam di rumah, sekolah dan masyarakat*. Terj. Shihabuddin. Jakarta: Gema Insanai Press.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1985). *Manhaj hidup muslim*. Terj. Hafid Muhammad Utman. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

- Al-Sawi, Salah (1995). *Ma la yasuhu al-Muslim jahluhu?*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Azma binti Mahmud. (2006). Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Burhanuddin Jalal. (2012). Penghayatan Islam dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam UKM. (Bahan tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- HAMKA. (1997). *Tasauf Moden*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hassan Langgulung. (1987). *Pendidikan Islam menghadapi abad 21*. Shah Alam: Hizbi Publication.
- Krejcie, R. V & Morgan, D. W. 1970. Determing size for research activities. *Educational and psychological measuremnt* 30: 607-610.
- Mawdudi, Abu al-A'la. (1991). *Let us be Muslim*. Leicester, U. K: Dacwah Publication.
- Miller, Delbert C. & Salkind, Neil J. 2002. *Handbook of research design and social measurement*. London. Sage Publication.
- William, Wiersm. (1986). *Research method in education: an introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Shantut, Khalid Ahmad. 2003. *Tarbiyah Asykariah: Membina generasi tentera Islam*. Terj. Shadiq Khalid. Kakarta: Era Intermedia.
- Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution. Sdn Bhd.